



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 8/1973**

Penyaksian (Attestation) Suratcara-suratcara Urusan

Pendaftar –pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian iaitu Jadual Kelima kepada Kanun Tanah Negara telah dipinda oleh Perintah Kanun Tanah Negara (Pindaan bagi Jadual Kelima), 1973 yang diisytiharkan dalam Warta Kerajaan P.U.A(A) 231 bertarikh 30hb Ogos 1973. Salinan Pindaan itu adalah disalinkan di bawah untuk rujukan.

“P.U. (A) 231

KANUN TANAH NEGARA

PADA menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 9(2) Kanun Tanah Negara, Menteri atas syor Majlis Tanah Negara dengan ini membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Kanun Tanah Negara (Pindaan bagi jadual Kelima), 1973.
2. Jadual Kelima kepada Kanun Tanah Negara adalah dengan ini dipinda-
 - (a) dengan menggantikan kepala itu dengan kepala baharu yang berikut-
”

PART I

**PERSON AND AUTHORITIES CAPABLE OF ATTESTING
INSTRUMENTS PRESENTED FOR REGISTRATION IN SPECT
OF LANDS OTHER THAN LANDS DESCRIBED
UNDER PART II “;**

- (b) dengan menggantikan butiran-butiran dengan yang berikut:
”2. In the Republic of Singapore-

- (a) a Registrar of the High Court;
- (b) a District Judge;
- (C) a Magistrate;
- (d) a notary public having an official seal;
- (e) The High Commissioner, Deputy High Commissioner of the First Secretary of the Hight Commission of the Federation.”;

(c) dengan menggantikan butiran 5 dengan yang berikut-

”5. In the State of Brunei-

- (a) a Registrar of the High Court;
- (b) a Magistrate;
- (C) a notary public having an official seal. “; dan

(d) dengan memasukan selepas sahaja butiran 10 dengan kepala baharu yang berikut-

”PART II

PERSON AND AUTHORITIES CAPABLE OF ATTESTING INSTRUMENTS PRESENTED FOR REGISTRATION IN RESPECT OF LANDS IN MALAY RESERVATION AND LANDS SUBJECT TO PART VIII OF THE NATIONAL LAND CODE (PENANG AND MALACCA TITLES) ACT, 1963 EXCEPT CERTIFICATED LANDS UNDER THAT ACT

1. a. Collector.”

2. Memandangkan peruntukan Part II yang baru di Jadual Kelima tiap-tiap suratcara urusan yang melibatkan tanah dalam kawasan Simpanan Melayu

hanya boleh disaksikan (attestation) oleh Pemungut Hasil Tanah sahaja, dan mulai 31hb. Ogos 1973 mana-mana Suratcara urusan yang tidak disaksikan oleh Pemungut Hasil Tanah adalah tidak layak didaftarkan dan ianya hendaklah ditolak.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM(S) 2/68 Bab. 2

Kuala Lumpur,
September, 1973.